

## **PM terus berbincang dengan pemimpin parti**

**Utusan Online**

**29 Mac, 2013**

PUTRAJAYA 28 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyambung siri pertemuan dengan pemimpin-pemimpin perhubungan UMNO negeri.

Pertemuan yang berlangsung sejak pagi itu dikatakan berhubung rapat dengan perbincangan memuktamadkan senarai calon untuk Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) yang semakin hampir.

Perjumpaan Perdana Menteri dengan ketua perhubungan UMNO negeri dan parti komponen itu diadakan secara berasingan berikutan kehadiran mereka ke bangunan Perdana Putra yang tidak serentak.

Antara pemimpin yang kelihatan ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman; Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir; dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Timbalan Pengerusi BN Selangor, Datuk Seri Noh Omar dan Ahli Parlimen Sepang, Datuk Seri Mohd. Zin Mohamed yang juga Timbalan Pengarah Pilihan Raya BN Selangor, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Ketua UMNO Cheras, Datuk Syed Ali Alhabshee.

Bagaimanapun, usaha pihak media yang berkumpul sejak pukul 9 pagi untuk mendapatkan reaksi semua pemimpin itu gagal.

Difahamkan esok berlangsung pertemuan antara Perdana Menteri dengan ketua-ketua parti komponen bagi meletakkan calon di 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi DUN.

Siri pertemuan Najib dengan pelbagai pihak dalam BN sejak semalam memberi isyarat Parlimen akan dibubarkan bila-bila masa selepas DUN Negeri Sembilan terbubar secara automatik hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130329/px\\_04/PM-terus-berbincang-dengan--pemimpin-parti](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130329/px_04/PM-terus-berbincang-dengan--pemimpin-parti)